No. Penerimaan 556/85

TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS menulis...

Ekonomi: Jika persaingan berterusan...

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



■ PRESIDEN RONALD REAGAN

SIKAP lama ahli-ahli perniagaan kita mesti ditukar untuk faedah negara. Ahli-ahli berbilang kaum wajar bersama dalam sesebuah syarikat perniagaan.

Pada masa lalu, didapati orang Cina berniaga bersama orang-orang Cina sahaja, orang-orang India bersama orang-orang India. Orang Melayu juga menubuhkan syarikat bersama orang-orang Melayu, sehingga rakyat Malaysia bersikap enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Saya kira inilah yang terbendung dalam saranan Perdana Menteri, Datuk Seri. Dr. Mahathir Mohamad, baru-baru ini, supaya peniaga-peniaga Malaysia membawa bersama kaum-kaum lain ke dalam syarikat perniagaan mereka. Malah, saranan seumpama ini juga pernah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu dalam usaha memupuk perpaduan nasional

Inilah garis panduan utama Dasar Ekonomi Baru, apabila dilancarkan dalam tahun 1970. Sayangnya, ada juga kalangan ahli politik yang memutarbelitkan keadaan sebenar DEB itu semata-mata untuk kepentingan peribadi. Mereka tergamak membiarkan rakyat Malaysia curiga mencurigai sesama sendiri.

Saranan Datuk Seri Dr. Mahathir ini harus dititik-beratkan oleh segenap lapisan rakyat, terutamanya ahli perniagaaan. Malah, ia hendaklah dipraktikkan sesungguhnya. Hanya ini sajalah sebaik-baik cara mencapai matlamat DEB agar semua rakyat Malaysia dapat bersama menikmati kekayaan negara.

Kita sedia maklum bahawa banyak pergaduhan dan pertengkaran berlaku berpunca dari perebutan wang ringgit dan emas perak. Satu pihak dengan pihak yang lain sanggup berputus arang berkerat rotan kerana wang ringgit dan emas perak. Antara sanak saudara dalam sekeluarga juga sanggup bermasam muka akibat wang ringgit dan emas perak.

Pengaruh wang ringgit dan emas perak bukan lagi cerita dongeng. Atau sudah lupus seperti berakhirnya kisah Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir akibat sebungkal emas Raja Mendaliar kepada Laksamana Khoja Hassan. Pengaruh wang ringgit dan emas perak tidak akan berakhir selagi dunia bernama dunia.

Memang ada juga petelagahan bukan disebabkan oleh wang ringgit dan emas perak. Misalnya, disebabkan oleh keghairahan politik. Tetapi, bahang wang ringgit dan emas perak ini lebih hebat panasnya bila membakar jiwa seseorang.

Wang ringgit dan emas perak inilah yang menjadi tunggak ekonomi. Manakala ekonomi dan politik pula amat berkait rapat bagaikan isi dengan kuku, mata hitam dan putih. Politik adalah kuasa yang menentukan corak ekonomi, sedangkan ekonomi pula mencorakkan warna politik.

Tidak hairanlah mengapa berlakunya perebutan untuk menguasai politik di seluruh dunia bagi memenuhi kepentingan ekonomi. Ini perkara biasa saja. Sama seperti ghairahnya perebutan menguasai ekonomi untuk kepentingan politik.

Pemerhati-pemerhati politik yang serius mudah dapat menganalisa bagaimana negara-negara di dunia bermain politik dengan latarbelakang ekonomi. Lihat saja dua negara besar di dunia sebagai contoh, iaitu Britian dan Amerika Syarikat. Kuasa ekonomi siapakah yang bermain di belakang layar kuasa politik mereka?

Sebarang parti yang memenangi pilihanraya di kedua negara ini tidak dapat melepaskan diri dari menyokong Yahudi. Kalau mereka cuba bermain kayu tiga dengan Yahudi, padahnya ialah kehilangan kuasa. Mereka tidak akan dapat lama memerintah.

Mengapakah demikian jadinya? Itulah kenyataan yang terserlah bahawa golongan mana yang menguasai ekonomi, maka golongan itulah yang memegang kuasa politik, sama ada secara langsung atau tidak.

Peranan usahawan2 Cina menyambut seruan kerajaan agar membantu B-putera belum menggalakkan

Yahudi bukan saja menguasai ekonomi kedua-dua negara tersebut, malah kebanyakan negara Eropah. Mereka menguasai bank, memiliki harta dan saham gedung-gedung perniagaan yang besar dan perniagaan dan perusahaan lain.

Orang-orang Yahudi amat berpengaruh pada pemimpin politik di negara-negara berkenaan laksana "titah lalu, sembah berlaku". Barangkali ramai orang yang masih ingat sikap Presiden Reagan sebaik saja diumumkan memenangi pilihanraya Amerika Syarikat, tahun lalu.

Beliau dengan lantang menyelar pejuang-pejuang Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang dianggapnya "pengganas liar". Kata-kata Presiden Reagan ini amat jelas menyokong Yahudi yang menjadi musuh rakyat Palestin. Kita dapat menyelami apa yang tersirat di sebalik kata-kata tersebut, "kerana hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga".

Mungkin inilah sebabnya Hitler tidak membenarkan Yahudi bermaharajalela di Jerman, dalam zaman kekuasaannya. Hitler bukan saja mensifatkan Yahudi sebagai "anjing berkepala buruk", tetapi merebus hidup-hidup orang Yahudi di dalam gas beracun.

Demikianlah bencinya Adolf Hitler terhadap orang-orang Yahudi yang berpengaruh dalam politik Jerman akibat kekuasan ekonomi di tangan mereka.

Tidak hairanlah mengapa Bumiputera di negara ini khuatir dan bimbangkan kedudukan ekonomi mereka. Bila-bila saja kuasa politik boleh terlucut sekiranya kedudukan ekonomi tidak teguh. Masa "burung terbang dipipiskan lada, mendengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan," sudah berlalu dari angan-angan Bumiputera.

Bimbang dan khuatir mereka bukanlah tidak bersebab. Mereka sudah terlalu lama membiarkan "kajang orang kajang berlipat, akibat menyusukan kera dihutan."

Tentunya Bumiputera tidak mahu mereka menjadi seperti Red Indian di Amerika, orang asli di Australia dan paling baik nasibnya, macam orang Maori di New Zealand yang lemas dan mencungap serta tenggelam dalam tanahairnya sendiri.

Saya percaya ramai orang bukan Bumiputera bersimpati dengan keluhan dan rintihan yang selalu disuarakan melalui akhbar-akhbar.

Peristiwa malang 13 Mei, 1969 seharusnya menjadi tauladan dan sempadan di sanubari setiap rakyat Malaysia. Meskipun pada lahirnya peristiwa tersebut dicetuskan oleh pergolakan politik, namun pemimpin-pemimpin negara kita maklumi bahawa sebab utamanya ialah kebimbangan ekonomi.

Kesimpulan dari yang menyebabkan tercetusnya peristiwa hitam itulah lahirnya konsep Dasar Ekonomi Baru. Tentulah dunia terkejut melihat kedudukan ekonomi Bumiputera yang terbenam ke perut bumi, seperti dikemukakan oleh kerajaan, iaitu hanya 1.5% sahaja hak milik Bumiputera dalam bidang ekonomi, di tanahairnya sendiri.

Atas alasan inilah mungkinnya Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa supaya setiap pembahagian "national cake" dinikmati sama rata oleh segenap lapisan rakyat. Ini sajalah caranya, menjamin dam mengekalkan keharmonian negara untuk masa depan keturunan kita.

Negara tidak akan dapat menikmati keharmonian seperti yang diharapkan oleh kerajaan sekiranya ada antara kaum masih tercicir jauh ke belakang. Mereka merasa terhimpit atau menderita akibat kedudukan ekonomi yang meruncing.

Perasaan sakit hati mudah terpendam di jiwa sesuatu kaum bagai api di dalam sekam. Lambat laun api itu boleh memusnahkan siapa saja. Lebih-lebih lagi kalau selalu saja dikipas.

Cita-cita DEB kerajaan untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum telah dipersenda-sendakan oleh golongan tertentu. Mereka menuduh kerajaan memberi peluang kepada Bumiputera saja dengan menyekat perkembangan ekonomi kaum lain.

Setakat ini, peranan usahawan-usahawan Cina dalam menyahut seruan kerajaan agar membantu Bumiputera berniaga, masih belum menggalakkan. Sikap "Ali Baba" dalam perniagaan dengan memperalatkan Bumiputera, masih ada lagi.

Persaingan masih menekan usahawan-usahawan Bumiputera dalam mencari tapak yang kukuh. Malah, agensi-agensi kerajaan juga sedang menghadapi beberapa tekanan, terutamanya selepas pelancaran Permodalan Nasional berhad (PNB).

Perebutan membeli saham di luar negeri semakin hebat persaingannya. Multi-purpose Holding (MPH) berjaya membeli- 51% saham Dunlop, walhal PNB sudah pun berunding dengan pihak berkenaan sebelumnya. Nampaknya, MPH berjaya. Sama ada kemungkinan ada udang di sebalik batu, ada ketam di sebalik kayu atau tidak, biarlah masa menentukannya.

Semua orang tahu bahawa MPH dikuasai oleh oang-orang Cina. Setakat ini, mereka memiliki harta kira-kira M$1,200 juta (atau $1.2 bilion). Satu lagi syarikat raksasa yang dipegang oleh orang-orang Cina ialah Syarikat MUI. Syarikat ini juga mempunyai pemilikan harta yang amat besar.

Dua syarikat besar yang dikuasai oleh orang-orang Cina ini menjadi persaingan pada PNB. Siapa pun tidak berhak menyekat perkembangan sesuatu pihak untuk mencapai kemajuan dalam bidang apa pun di negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan "free enterprise" dalam ekonomi.

Tetapi, jika amalan persaingan yang begini terus menerus hebat berlaku, maka perasaan curiga-mencurigai mungkin timbul di antara golongan dengan golongan yang lain. Bila ini berlaku, pastilah menyimpang tujuan asal pemimpin-pemimpin negara kita memperseimbangkan kedudukan ekonomi menurut garis-garis yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Sikap 'Ali Baba' dalam perniagaan dengan memperalatkan Bumiputera masih ada lagi

Seruan Perdana Menteri, baru-baru ini, meminta syarikat-syarikat yang maju, seperti MPH, dan MUI serta suarikat-syarikat lain yang entah berapa ratus banyaknya, membukakan peluang membeli saham kepada Bumiputera, haruslah ada "titik ditampung dan gayung bersambut" dari mereka. Cukuplah dengan sekali seruan saja. Janganlah dinanti Perdana Menteri berulang-kali menyeru.

Adalah difahamkan, MPH berura-ura hendak melakukan yang Dr. Mahathir sarankan itu. Kalau ini benar, pasti semua orang menyambut baik langkah tersebut. Biarlah ia dilaksanakan secara rela hati dan bukannya dipaksakan seperti mengemukakan undang-undang, misalnya.

Langkah demikian adalah lebih baik. Kesannya kepada rakyat juga mempunyai nilai yang tinggi harganya. Janganlah sampai sejarah berulang kerana sikap "tamak selalunya merugikan". Sejarah seharusnya menjadi penilaian kepada kita supaya tidak berulang lagi yang buruk, tetapi biarlah berulang peristiwa yang baik.

Bagaimana pentingnya ekonomi kepada sesuatu bangsa, sesuatu golongan, malah kepada setiap kalangan individu, tidak siapa dapat menafikan. Menurut ilmu sains politik, ada tiga golongan manusia yang biasanya dapat menguasai politik sesuatu negara:

● Pertama, golongan yang memegang kekuasan ekonomi.

● Kedua, golongan yang menyintai, menyanjung dan berbangga dengan sejarah kebesaran serta kebudayaan bangsanya.

● Ketiga, golongan yang memegang kuasa dalam angkatan bersenjata.

Saya tidak berhajat mengulas dua perkara terakhir dalam golongan berkenaan. Saya kira ada baiknya memperkatakan golongan yang pertama, golongan ekonomi, itu.

Sejarah telah membuktikan kedatangan penjajah barat — sama ada Portugis, Belanda, Perancis, Sepanyol mahupun Amerika ke timur jauh ini, pada peringkat awalnya bukanlah bertujuan menakluk. Semuanya berpunca dari gangguan beberapa pihak lain dalam usaha masing-masing mengaut keuntungan perniagaan dan perdagangan.

Apabila tergugat kedudukan pernigaaan mereka, timbullah perasaan tamak haloba. Mereka perlu memonopoli semua keuntungan yang ada. Jalan yang terbuka memonopoli ekonomi ialah menakluki negara-ngara berkenaan. Inilah yang berlaku apabila sejarah mencatatkan penjajahan ke atas negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Berlakunya Perang Dunia Kedua juga adalah dari akibat yang sama. Jepun terpaksa berperang setelah merasa dirinya tercekik dalam kepungan kuasa-kuasa besar, termasuk Cina, dalam bidang ekonomi. Di samping itu, Jepun pula sudah merasa kuat dan gagah. Dan, keinginan menjadi penakluk pun mula menjelma.

Mereka mahu meluaskan pengaruh ke seluruh pelosok Asia. Mahu memonopoli ekonomi. Mahu menjadi "semut yang gilakan gula", sekalipun mereka tahu, matinya kelak kerana gula-gula juga." Pendek kata, setiap gerak langkah dan tindak-tanduk manusia tidak lepas dari mengejar kepentingan ekonomi, emas perak dan wang ringgit.

Walau apa pun bentuk sikap manusia, dari yang gagah hinggalah yang lemah, dari yang berkulit putih hinggalah yang berkulit hitam, memerlukan kehidupan yang mewah. Mereka bekerja untuk mendapatkan kekayaan sekalipun terpaksa "turun di langit ditampungkan, memusat di bumi dipijakkan". Mereka sanggup menggadaikan nyawa untuk mengukuhkan ekonomi demi masa depan keturunan masing-masing.

Akibat gejala-gejala yang dikatakan inilah telah menimbulkan persengketaan. Kalau penjajah terpaksa mengembara beribu-ribu kolimeter dari tanahairnya untuk mengejar kepentingan ekonomi, masakan Bumiputera di negara ini sanggup berputih mata saja.

Sudah sekian lama mereka menjadi "ayam lapar di kepuk padi, itik haus di kolam mandi", maka wajarlah peluang itu diberikan kepada mereka. Kaum lain yang sangat maju seharusnya membimbing mereka bagi membolehkan setiap rakyat bersama menikmati kekayaan negara.

Saya rasa inilah yang terjelma dalam kalbu Perdana Menteri itu. ■